

16/11/2004

Gantung keahlian saja tak memadai: Musa

KUALA LUMPUR: Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam, berkata tindakan disiplin atau menggantung ahli Umno yang terbabit dalam politik wang tidak memadai untuk memberi pengajaran, sebaliknya mencadangkan mereka turut didakwa di mahkamah.

Sambil menyifatkan cadangannya mungkin dianggap di luar kebiasaan atau mengundang kontroversi, beliau berpendirian ahli Umno wajar diperlakukan seperti orang lain tanpa sebarang keistimewaan.

"Secara umumnya, pemimpin atau ahli Umno yang didapati bersalah terbabit dalam politik wang harus menghadapi akibatnya sama seperti orang lain. Tidak wajar ada perbezaan antara orang lain dan orang Umno.

"Saya pasti cadangan ini kurang disenangi pihak tertentu tetapi sudah menjadi kebiasaan bagi saya menongkah arus. Saya rasa masalah politik wang ini adalah satu penyakit yang mencabar kewibawaan Umno dan kerajaan," katanya kepada pemberita ketika ditemui di majlis rumah terbuka Perdana Menteri bersama menteri Kabinet di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini kelmarin.

Musa, yang juga bekas Timbalan Presiden Umno, turut menyuarakan keprihatinan dan kebimbangan kerana wabak politik wang kian menular dan semakin serius sejak kebelakangan ini.

"Banyak pemimpin Umno mendakwa secara terbuka bahawa mereka menjadi mangsa politik wang dan ini menakutkan saya kerana gejala seumpamanya dapat menjejaskan Umno serta kerajaan.

"Pemimpin Umno harus sedar bahawa kebanyakan daripada mereka juga memegang jawatan penting dalam kerajaan selain menjadi pemimpin di peringkat kebangsaan," katanya.

Musa berkata, pendekatan Umno sebelum ini bertujuan membasmi politik wang dalam parti tetapi kini agendanya lebih jelas dengan pembentukan jawatankuasa khusus bagi memerangi amalan itu di bawah pentadbiran Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Setakat ini Umno sudah menggantung 38 ahlinya selepas jawatankuasa disiplin mendapati mereka bersalah kerana mengamalkan politik wang.

Sementara itu, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pula percaya masalah politik wang akan dapat diatasi oleh pemimpin Umno.

"Saya fikir dia orang (pemimpin Umno) tahu apa masalahnya. Insya-Allah akan diatasi," katanya kepada pemberita ketika ditemui di majlis rumah terbukanya sempena Aidilfitri di kediamannya di Mines Golf Resort, dekat sini semalam.

Mahathir yang juga bekas Presiden Umno bagaimana pun enggan mengulas lanjut perkara itu kerana menurutnya perkara itu perlu diserahkan kepada pemimpin parti.

"Itu masalah dalaman parti Umno, saya tak nak buat apa-apa cadangan atau buat apa-apa komen," katanya.

(END)